

BAB EMPAT

PENGANALISISAN DATA

4.0 Pendahuluan

Analisis data ini dibuat berdasarkan data diperolehi daripada temubual dengan 4 orang subjek, keluarga dan penelitian bahan dokumen. Setiap kes akan dilaporkan mengikut tajuk-tajuk berikut :

1. Maklumat kes disiplin subjek
2. Ciri fizikal subjek
3. Keluarga
4. Diri Pelajar
5. Rakan Sebaya
6. Perbincangan

4.1 Kes Pertama

Nama Samaran : Hock Seng

Bangsa : Cina

Kedudukan dalam keluarga : Anak Pertama

Tingkatan : 2

Umur : 15 tahun

Bilangan Adik Beradik : 5

Pekerjaan Bapa	: Buruh
Pekerjaan Ibu	: Pelayan Pusat Hiburan
Pilihan Kerjaya	: Dreber Teksi

Maklumat Kes Disiplin

Hock Seng terlibat dalam kes bertumbuk, ponteng sekolah, ponteng kelas, tidak membawa buku, tidak menyiapkan kerja rumah, membuat bising, merokok, datang lewat ke sekolah dan mengeluarkan kata-kata lucu.. Perkara disiplin di atas subjek telah lakukannya sekurang-kurang sekali.

Ciri-Ciri Fizikal Hock Seng

Beliau tidak mempunyai apa-apa kecacatan anggota . Berat badannya ialah 50 kilogram dan tingginya 155cm.

Keluarga

Hock Seng adalah anak pertama dalam keluarga. Dia ada 2 orang adik perempuan yang berumur 7 tahun dan 12 tahun. Subjek juga ada 3 orang adik lelaki yang berumur 5 tahun, 9 tahun dan 12 tahun. Hubungan di antara adik beradik adalah rapat. Subjek sering menjaga adik-beradik apabila ibubapa tiada di rumah.

Ayah Hock Seng berumur 38 tahun dan bekerja sebagai buruh di Pelabuhan Klang dengan pendapatan bulanan sebanyak RM2500 sebulan. Emaknya berumur 35 tahun dan bekerja sebagai pelayan di Karaoke di Klang dengan pendapatan bulanan sebanyak RM1500

Mereka tinggal di sebuah rumah batu di Pelabuhan Klang. Rumahnya besar dan mempunyai 4 bilik tidur, satu ruang dapur dan satu ruang tamu yang sederhana besar untuk berhat. Terdapat peti televisyen, video, CD dan radio serta perkakas elektrik yang lain. Di rumahnya juga terdapat beberapa perabut seperti meja, almari dan kerusi. Suratkhabar dan majalah dan beberapa buah buku sekolah bertaburan di atas lantai dan di atas meja.

Ayah subjek kadang-kadang sahaja balik ke rumah. Beliau balik sekurangnya sekali dalam seminggu kerana tempat kerjanya berjauhan dari rumah. Masa beliau balik ke rumah ialah pada pukul 5 petang. Beliau datang untuk melihat 2 orang adiknya dan menghabiskan masa selama 30 - 45 minit. Biasanya beliau tidak sempat untuk berjumpa semua anak-anaknya. Ayah juga tidak dapat berbincang perkara sekolah dengan anak-anak. Beliau juga jarang makan bersama anak-anak dan jarang tidur di rumah

Emak Subjek pula pergi bekerja pada pukul 5.30 petang dan balik ke rumah pada pukul 4.00 pagi. Sebahagian pendapatannya untuk perbelanjaan diri sendiri.

Apabila ayah balik ke rumah , emak sering bergaduh tentang duit belanja anak dan mengenai isteri keduanya. Emak Hock Seng marah kerana suaminya mempunyai teman wanitanya di luar. Ayah dan emak juga sering tidak mahu memberi duit belanja dan duit persekolahan. Mereka bergaduh (perang mulut)dengan mengeluarkan kata-kata kesat dalam bahasa cina.

Ini menyebabkan anak-anaknya berasa takut bercakap dengan ibubapa. Hock Seng jarang meminta sesuatu daripada emak dan ayah. Hock Seng jarang dapat makan bersama dengan ibubapa. Subjek juga jarang pergi bersiar - siar atau keluar makan bersama ibubapa. Ini menyebabkan interaksinya dengan emak dan ayah adalah sangat kurang. Datuk yang tinggal dekat dengan rumah datang melawat dan kerap kali memberi duit belanja persekolahan.

Oleh kerana interaksi antara ibubapa kurang, maka subjek berasa terbiar. Tidak ada orang yang berkuasa untuk ditegur apabila buat kesalahan. Tiada siapa untuk beri penerangan bagi menjelaskan adat sopan, cara pergaulan, amalan kebersihan dan nilai-nilai mulia yang dikehendaki oleh masyarakat. Sebaliknya leteran dan makian diterima apabila emak

mendapati subjek terlibat di dalam masalah disiplin di sekolah. Selepas itu ibu tidak memberi nasihat ,penjelasan atau panduan tentang masalah disiplin ini.

Di rumah emak selalu mengejeknya dengan perkataan kesat. Ini menimbulkan kemarahan kepada subjek dan kadang-kadang berkelahi dengan emak. Hock Seng juga tidak diberi nasihat dan bimbingan oleh ibubapa untuk mengatasi masalah kelemahannya dalam pembelajaran. Di rumah subjek berasa tidak harmoni dan sering mengalami tekanan emosi dan masalahnya tidak dapat diselesaikan.

Diri Sendiri

Hock Seng scorang pelajar yang kurang berfasih dalam Bahasa Malaysia. Beliau tidak berminat untuk belajar kerana bosan . Beliau bosan kerana terpaksa buat banyak kerja dan terpaksa menulis banyak pula.

Kelemahan beliau ialah tidak suka dicabar. Sesiapa yang dicabarnya akan diajak bergaduh. Tambahan pula beliau cepat naik marah menyebabkan bergaduh dan bertumbuk rakan tanpa mengira umur. Ini menyebabkan beliau terlibat dalam banyak kes pergaduhan di sekolah. Hock Seng tidak dilatih dan dibimbing dalam menguruskan diri. Ini menyebabkan subjek tidak dapat mengawal emosi . Oleh itu ejekan

kawannya tidak dapat dikawal dan timbulkan rasa marah serta berkesudahan dengan pergaduhan.

Hock Seng juga tidak pandai dalam menguruskan masa. Beliau tidak dapat membuat jadual waktu di rumah untuk pengurusan masa yang baik. Beliau tiada panduan untuk menetapkan waktu belajar, bermain dan berhobi. Selepas sekolah menghabiskan masa dengan kawan dan menonton televisyen di rumah. Oleh itu dapat dikatakan bahawa beliau menghabiskan kebanyakan masa lapangnya dengan aktiviti yang tidak berfaedah kepada dirinya.

Rakan Sebaya

Kawan-kawan Hock Seng terdiri daripada sekolah yang sama dan budak luar daripada sekolah. Kawan-kawan Hock Seng juga lemah dalam pelajaran. Kawan-kawan ini datang daripada latarbelakang keluarga yang hampir sama.

Aktiviti utama Hock Seng bersama kawan ialah merokok, menonton vedio lucu, bermain "judi" di kedai.

Subjek bersama rakannya suka bergaduh secara kumpulan. Kumpulan samseng yang beliau serta ialah "21". Rakan-rakannya mengajak beliau untuk pergi berlawan dengan kumpulan lain. Subjek

pernah bergaduh sehingga mangsanya cedera teruk. Beliau bersama-sama rakannya juga sering ponteng kelas kerana tidak suka belajar,bosan dan tidak membuat latihan yang diberikan .

Perbincangan

Hock Seng terlibat dalam pelbagai masalah disiplin seperti merokok, ponteng sekolah,ponteng kelas,bertumbuk,membuat bising mengeluarkan kata luah, datang lewat, tidak membawa buku dan tidak membuat kerja rumah. Perbuatan tidak berdisiplin ini berpunca daripada masalah keluarga yang berpecah, pengaruh rakan sebaya dan faktor dirinya sendiri. Subjek tidak dapat menerima bimbingan dan nasihat daripada ibubapa. Emak yang ada di rumah tidak dapat menegur dan mengawasi perbuatan subjek bersama rakan-rakannya. Tiada tindakan tegas daripada emak kerana terlibat dalam pergaduhan.

Hock Seng sebagai ketua kumpulan samseng di sekolah mendapat sokongan kuat dari rakan-rakannya. Ini menjadi kebanggaan kepada Hock Seng . Keberanian bertambah apabila digelar sebagai ketua di kalangan kawan-kawan. Tambahan pula Hock Seng seorang yang cepat marah dan tidak dapat kawal kemarahannya terutama bila dicabar atau diejek. Di samping itu beliau tidak didisiplinkan di rumah. Tiada peraturan yang

dikenakan oleh ibubapa untuk diikuti di rumah. Seterusnya peraturan sekolah sukar untuk diikuti.

Di rumah ibubapa tidak dapat dijadikan "role model" kerana mereka jarang berada di rumah dan jarang dapat berinteraksi . Ayah jarang balik ke rumah dan emak tidur waktu siang hari kerana kerja waktu malam..Oleh itu Hock Seng hanya dapat bergurau dan berinteraksi dengan rakan-rakannya. Ini kerana rakan-rakan ada bersamanya selalu.

4.2 Kes Kedua

Nama Samaran : Maniam

Bangsa : India

Kedudukan dalam keluarga : Anak Kedua

Tingkatan : 2

Umur : 14 tahun

Bilangan Adik Beradik : 2

Pekerjaan Bapa : Kerani Kastam

Pekerjaan Ibu : Suri rumah

Pilihan Kerjaya : Mekanik

Maklumat kes disiplin

Maniam terlibat dalam kes bertumbuk, merokok,ponteng sekolah, ponteng kelas, tidak membawa buku dan tidak membuat kerja rumah. Perkara ini dilakukan oleh subjek sekurang-kurangnya sekali.

Masalah disiplin yang selalu dibuat ialah merokok,ponteng kelas ,tidak membawa buku dan tidak membuat kerja rumah.

Ciri-Ciri Fizikal Maniam

Beliau tidak mempunyai sebarang kecacatan anggota. Berat badanya ialah 40 kilogram dan tingginya 145 cm.

Keluarga

Maniam adalah anak kedua daripada 3 orang adik beradik. Dia ada seorang kakak yang berumur 18 tahun dan seorang adik perempuan yang berumur 9 tahun. Hubungan dengan adik dan kakak adalah tidak baik kerana kerap kena ejek daripada mereka. Tambahan pula kakak suka tegur kesalahannya.

Ayah Maniam berumur 40 tahun bekerja sebagai kerani kastam dengan pendapatan bulanan RM1500 Emaknya berumur 34 tahun dan adalah suri rumah. Keluarga subjek tinggal di rumah pangsa murah di Pelabuhan Klang. Rumahnya ada 2 bilik tidur ,1 ruang dapur,1 ruang tamu yang kecil . Di rumahnya ada beberapa perkakas elektrik seperti radio, televisyen, peti sejuk dan sebagainya.

Ayah pergi bekerja pada pukul 6.30 pagi dan balik pada pukul 8.00 malam. Beliau seorang pendiam dan tidak suka bercakap banyak. Balik dari kerja ayah sambil berchat suka tonton televisyen.Oleh kerana ayah sibuk dengan kerja, maka hal mendisiplinkan anak diserahkan kepada emak.

Ayah sering membawa keluarga makan bersama di kedai. Subjek kadang-kadang tidak ikut bersama kerana pada masa inilah masalah disiplin subjek dibincang di hadapan kakak dan adik. Subjek tidak suka hal peribadinya dibincang di hadapan kakak dan adik. Ini menunjukkan subjek seorang yang sensitif dan tidak dapat terima teguran di hadapan orang ramai.

Ayah seorang pendiam dan kurang masuk campur dalam urusan pelajaran anak.Ibuapa jarang melihat buku latihan . Di dalam beberapa kes percaduhan ayah Subjek tidak mahu datang ke sekolah untuk menyelesaikan masalah disiplin anak. Ayah Subjek bosan dan marah

dengan Subjek kerana terlibat dalam masalah disiplin. Di samping itu Maniam canggung mendengar nasihat ibubapa.

Diri Sendiri

Kelemahan Maniam ialah cepat naik marah dan tidak suka dicabar. Tidak mahu mendengar nasihat ibubapa dan kakak. Oleh itu subjek tidak mempunyai hubungan rapat dengan mereka. Subjek tidak mengawal perasaan marah. Sebab itu beliau mudah terlibat dalam kes pergaduhan. Subjek tidak dibimbing dalam mengawal emosinya.

Maniam fasih dalam Bahasa Melayu . Oleh kerana malas kebanyakan kerja rumah tidak disiapkan dan kerap tidak membawa buku ke sekolah.Tambahan pula kerap ponteng kelas dan lepah di kantin sekolah. Dari bulan Januari hingga April Subjek telah ponteng kelas lebih daripada 20 kali.

Subjek juga merokok setiap hari seorang diri atau bersama kawan-kawan. Bilangan rokok yang dihisap dalam sehari ialah 12 batang. Subjek juga merokok di sekolah dan di luar sekolah. Maniam mengaku bahawa beliau terlibat dalam kumpulan kongsi gelap yang bernombor "21" Beliau adalah ketua kumpulan bagi pelajar India di Tingkatan 2. Beliau pernah mengambil duit dan mencari anggota untuk kumpulannya.

Rakan Sebaya

Kawan-kawan Maniam kebanyakannya terdiri daripada yang mempunyai masalah disiplin. Minat mereka adalah sama iaitu tidak suka belajar. Selepas sekolah banyak menghabiskan masa bersama rakannya. Bagi diri Maniam, rakan adalah segala-galanya. Rakan-rakan membantunya dalam pergaduhan. Misalannya beberapa rakan menyelesaikan pergaduhan beliau dengan pihak luar sekolah. Oleh itu Maniam sering menyantung rakan daripada ibubapa.

Aktiviti utama Maniam bersama rakan ialah merokok, ponteng kelas, ponteng sekolah dan bertumbuk. Waktu yang kerap mereka ponteng ialah 2 masa terakhir sebelum tamat waktu persekolahan. Oleh kerana banyak masa menghabiskan dengan rakan-rakan maka Maniam lebih selesa menceritakan segala masalah peribadinya kepada mereka ini.

Perbincangan

Maniam terlibat dalam pelbagai masalah disiplin seperti merokok, bertumbuk, ponteng sekolah, ponteng kelas, tidak membuat kerja rumah dan tidak membawa buku. Perbuatan tidak berdisiplin ini adalah berpunca daripada pengaruh rakan sebaya, masalah keluarga dan faktor diri sendiri.

Maniam mengambil kesempatan daripada ayah yang senyap dan sibuk dengan kerja serta ibu yang hanya meleter sahaja dengan melibatkan diri dalam masalah disiplin. Di samping itu ayah bosan melihat tingkahlakunya yang tidak berubah dan enggan mendengar nasihat ibubapa. Kadang-kadang ayah melepaskan tangan sahaja apabila menangani masalah Subjek. Ibubapa juga kurang memberi penegasan dan pengawalan terhadap Maniam. Ibubapa Maniam selalu menyalahkan rakan-rakan apabila mengetahui anaknya terlibat dalam masalah disiplin. Ibubapa Maniam juga tidak dapat berbuat apa-apa apabila mengetahui anaknya adalah ketua kongsi gelap bagi kumpulan pelajar India di Tingkatan 2. Sikapnya yang ingin menjadi "hero" di kalangan pelajar tingkatan 2 juga menyebabkan beliau terlibat dalam masalah disiplin. Di samping itu pengaruh rakan sebaya yang suka menyokong tindakannya dan menyanjung cara keberaniannya menyebabkan beliau meneruskan tindakan tidak berdisiplin. Ini ditambah pula apabila beliau cepat marah dan tidak dapat mengawal emosi apabila melihat kawannya dibelasah oleh rakan.

Di rumah ibubapanya tidak dapat dijadikan "role model". Ini kerana ayah jarang dapat berinteraksi dengannya dan ibu kebanyakan masa meleter dan marah sahaja . Sikap dirinya yang malas ,tidak minat untuk belajar, cepat naik marah menyebabkan beliau tidak dapat ikuti peraturan - peraturan ketat di sekolah. Ini kerana beliau tidak dilatih mendisiplinkan diri di rumah oleh ibubapanya.

4.3 Kes Ketiga

Nama Samaran : Soon Chen

Bangsa : Cina

Kedudukan dalam keluarga : Anak Pertama

Tingkatan : 2

Umur : 15 tahun

Bilangan Adik Beradik : 2

Pekerjaan Bapa : Pekerja Kilang

Pekerjaan Ibu : Suri rumah

Pilihan Kerjaya : Pemandu Bas

Maklumat kes disiplin

Soon Chen terlibat dalam kes merokok,ponteng sekolah, ponteng kelas, tidak membawa buku ,tidur di dalam kelas dan tidak membuat kerja rumah. Perkara ini dilakukan oleh subjek sekurang-kurangnya sekali.

Masalah disiplin yang selalu dibuat ialah ponteng kelas ,tidak membawa buku , tidur di dalam kelas dan tidak membuat kerja rumah.

Ciri-Ciri Fizikal Soon Chen

Beliau tidak mempunyai sebarang kecacatan anggota. Berat badanya ialah 48 kilogram dan tingginya 152 cm.

Keluarga

Soon Chen adalah anak pertama daripada 3 orang adik beradik. Dia ada 2 orang adik perempuan yang berumur 10 tahun dan 11 tahun. Hubungan dengan adik -beradik adalah tidak baik kerana mereka lebih pandai daripadanya.

Ayah Soon Chen berumur 40 tahun bekerja sebagai pekerja kilang dengan pendapatan bulanan RM2500 Emaknya berumur 37 tahun dan bekerja sambilan menjaga anak jiran dengan pendapatan RM200 sebulan. Keluarga subjek tinggal di rumah separuh papan di Pelabuhan Klang. Rumahnya ada 2 bilik tidur ,1 ruang dapur,1 ruang tamu yang kecil . Di rumahnya ada beberapa perkakas elektrik seperti radio, televisyen, peti sejuk dan sebagainya.

Ayah Subjek pergi ke kilang pada pukul 7.30 pagi. Beliau balik ke rumah pada 10.30 malam. Beliau terpaksa bekerja lebih masa untuk menampung perbelanjaan keluarga. Tambahan pula kesemua 3 orang anaknya bersekolah.

Soon Chen kurang dapat berinteraksi dengan ayah. Ini kerana subjek tidak dapat berjumpa dengan ayah dari pagi hingga malam. Pada waktu

malam ayah berehat sebentar sambil menonton televisyen sebelum pergi tidur. Subjek dan emak suka menonton televisyen hingga larut malam.

Keluarga Soon Chen jarang makan bersama di luar atau keluar bersiar-siar pada masa cuti sekolah. Ini kerana pada masa ini ayah bekerja dan emak sibuk menjaga anak jiran. Kadang-kadang ayah cuti pada hari Ahad. Masa ini ayah gunakan untuk berehat di rumah. Oleh itu ini sukar bagi Soon Chen untuk membincang masalah dengan ayah.

Ayah sibuk dengan kerja harian , maka bertangungjawab mendisiplinkan anak.Ayah Subjek tidak mengenakan hukuman ke atas anaknya apabila melakukan perbuatan salah. Malah perkara marah dan berleter di jalankan oleh ibu. Ibu Soon Chen tidak pernah melihat latihan anaknya . Ibbupa yang kurang faham Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris tidak dapat membantu Soon Chen dalam menyiapkan kerja sekolah. Oleh kerana kerja sekolah yang banyak dan tidak faham pelajaran serta kurang bimbingan menyebabkan beliau bosan dan tidak berminat untuk membuat kerja sekolah. Di samping itu beliau tidak diajar cara bersopan dan bercakap dengan orang tua. Ini menyebabkan beliau tidak dapat berdisiplin di sekolah. Apabila Soon Chen balik dari sekolah , beliau terus pergi tidur hingga 4 petang. Emak biarkan anaknya tidur kerana letih di sekolah. Sikap suka tidur ini beliau terbawa ke bilik darjah.

Diri Pelajar

Soon Chen seorang pelajar yang malas dan tidak mahu menanya pelajaran yang tidak difahami. Di samping itu beliau suka tidur di dalam kelas. Beliau malas untuk menulis nota yang panjang dan malas untuk membuat kerja rumah. Mengikutnya beliau lebih suka bermain guitar tetapi tidak diberi peluang untuk bermain. Beliau juga minat dalam "motor sport". Beliau tidak pernah suarakan minatnya pada ibubapa.

Oleh kerana apa yang diminatinya tidak dapat diperolehi, maka beliau mengikut kawan mendapat keseronokan di kedai "video game". Kadang-kadang beliau ponteng sekolah untuk ke kedai ini.

Rakan Sebaya

Kebanyakan rakan sebayanya adalah daripada sekolah yang sama. Mereka mengenali satu sama lain. Mereka mempunyai persamaan iaitu tidak suka belajar, lemah dalam pelajaran dan suka ponteng sekolah dan ponteng kelas. Soon Chen berasa sangat selesa dengan rakan-rakannya. Soon Chen masih meneruskan ponteng sekolah bersama rakan-rakan walaupun telah dilarang oleh ibubapa dan guru. Soon Chen mula menghisap rokok apabila dipujuk oleh rakannya. Beliau berbuat demikian kerana ingin setia dan bersama dalam kumpulan rakan.

Perbincangan

Soon Chen terlibat dalam masalah disiplin seperti ponteng sekolah,ponteng kelas, tidak membuat kerja rumah, tidak membawa buku ke sekolah dan tidur dalam kelas. Faktor keluarga , pengaruh rakan sebaya menyebabkan beliau terlibat dalam masalah disiplin.

Subjek pernah di ambil tindakan disiplin di sekolah. Selepas diambil tindakan ayahnya datang beberapa hari menghantar anak ke sekolah dan mengambil pulang waktu lepas sekolah. Akan tetapi Subjek mulakan perbuatan ponteng seperti biasa setelah ayahnya tidak datang k sekolah.

Kedua ibubapa tidak dapat dijadikan "role model" untuk dicontohi. Ini kerana ibu sentisa marah dan ayah pula sibuk dengan dengan kerja di kilang. Ini meyebabkan rakan -rakan menjadi model untuk dicontohi .

Sejak kecil lagi beliau tidak dilatih untuk bergaul secara beradab dan meghormati orang tua. Oleh itu di sekolah beliau tidak mahu mengikut peraturan sekolah.

4.4 Kes Keempat

Nama Samaran : Ali
Bangsa : Melayu
Kedudukan dalam keluarga : Anak Kedua
Tingkatan : 2
Umur : 14 tahun
Bilangan Adik Beradik : 3
Pekerjaan Bapa : Buruh
Pekerjaan Ibu : Suri rumah
Pilihan Kerjaya : Posman

Maklumat kes disiplin

Ali terlibat dalam kes merokok,ponteng sekolah, ponteng kelas, tidak membawa buku ,tidur di dalam kelas ,suka mengejek,mengelurkan kata luah,mencuri dan tidak membuat kerja rumah. Perkara ini dilakukan oleh subjek sekurang-kurangnya sekali.

Masalah disiplin yang dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu ialah ponteng kelas , mengeluarkan kata luah, datang lewat ke sekolah,tidak membawa buku , dan tidak membuat kerja rumah.

Ciri-Ciri Fizikal Ali

Beliau tidak mempunyai sebarang kecacatan anggota. Berat badanya ialah 45 kilogram dan tingginya 140 cm.

Keluarga

Ali adalah anak kedua dalam keluarga. Dia ada seorang kakak yang berumur 20 tahun. Dia juga ada 2 orang adik perempuan yang berumur 13 tahun dan 12 tahun. Hubungan dengan adik -beradik adalah tidak rapat.

Ayah Ali berumur 42 tahun bekerja sebagai pekerja kilang dengan pendapatan bulanan RM2500.00 Emaknya berumur 36 tahun dan merupakan suri rumah. Keluarga subjek tinggal di rumah flat di Pelabuhan Klang. Rumahnya ada 2 bilik tidur ,1 ruang dapur,1 ruang tamu yang kecil . Di rumahnya ada beberapa perkakas elektrik seperti radio, televisyen, peti sejuk dan perabut seperti kerusi ,meja serta almari.

Ayah Ali telah bercerai dengan emaknya 3 tahun yang lalu. Oleh itu segala tanggungjawab mendidik anak terletak di bahu emaknya. Mengikut Ali ayah seorang yang tegas dan akan memukul jika membuat salah. Manakala ibu sangat manja dengan anak sehingga marahkan ayah apabila anak-anaknya dimarah atau dipukul. Keadaan ini menyebabkan ibu dan ayah sering bergaduh dan akhirnya bercerai.

Ibu pula sering ke rumah jiran untuk berbual . Ini menyebabkan Ali berasa bebas dan tidak mempunyai pengawalan atau peraturan di rumah. Emak Ali tidak menyediakan sebarang jadual pembelajaran, jadual bermain dan jadual makan..

Rakan Sebaya

Kawan Ali terdiri daripada rakan-rakan sekolah dan juga orang muda dalam lingkungan umur antara 19 hingga 22 tahun. Rakan dari sekolah yang sama mempunyai minat yang sama iaitu ponteng sekolah,ponteng kelas,bergaduh dan merokok. Ali menghabiskan masa bersama mereka pada waktu pagi dan petang.

Manakala Ali menghabiskan masa bersama orang bukan pelajar pada waktu malam. Oleh itu kadang-kadang beliau balik lewat malam ke rumah. Beliau juga pernah ditangkap oleh polis kerana bersubahat mencuri motosikal. Ali berada di Balai Polis selama 2 hari sehingga diikat jamin oleh emaknya.

Perbincangan

Ali terlibat dalam ponteng sekolah, ponteng kelas , merokok,suka mengeluarkan kata lucah, tidak membawa buku, tidak membuat kerja

rumah, mencuri dan datang lewat ke sekolah. Perbuatan tidak berdisiplin ini berpunca daripada masalah keluarga ,pengaruh rakan sebaya dan faktor diri sendiri.

Kebebasan yang didapati di rumah disalahgunakan dan ketiadaan ayah yang tegas menyebabkan Ali terlibat dalam masalah disiplin. Teguran dari emak dan kakak tidak di terima malah berkesudahan dengan letoran sahaja.